


**JURUTERA MUDA SERTAI INDUSTRI**  
- SEIRING DENGAN MISI UniMAP

Oleh : *Sayang Nurshahrizleen Ramlan*

Tanggal 16 Ogos 2008, bersempena dengan Istiadat Konvokesyen Ke-3 lalu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berbangga kerana melahirkan lagi jurutera muda seramai 645 orang pemegang ijazah sarjana muda kejuruteraan. Fokus utama ruangan ini adalah kebolehpasaran (marketability) graduan atau dikenali dengan alumni yang berjaya ditawarkan pekerjaan oleh sektor swasta dan agensi kerajaan.

Statistik kekeseluruhan alumni UniMAP 2008 yang berjaya ditawarkan pekerjaan sehingga ke hari ini hampir mencapai separuh dari keseluruhan iaitu 48.5 % (312 orang). Manakala selebihnya 51.6% (333 orang) masih lagi menunggu tawaran pekerjaan. Daripada jumlah yang telah bekerja ini, pecahan sebanyak 43% (53 orang) adalah dari PPK Bahan, 50% (59 orang) dari PPK Komputer & Perhubungan, 68% (40 orang) dari PPK Mekanik, 57% (86 orang) dari

PPK Mikroelektronik, 41% (28 orang) dari PPK Pembuatan dan 37% (46 orang) dari PPK Sistem Elektrik. Berdasarkan statistik tersebut jelas memaparkan lebih dari tiga PPK kini telah mencapai lebih daripada 50% kebolehpasaran graduan masing-masing dalam menuju ke arah 100% yang menjadi matlamat utama universiti meskipun belum bergraduat secara rasmi pada ketika itu. Pencapaian ini mula mengalami peningkatan yang berterusan sejak Januari 2008 hingga kini dengan dituruti oleh PPK lain.



Daripada 312 graduan yang ditawarkan pekerjaan, 110 darinya telah berjaya menembusi kerjaya di sektor industri khususnya syarikat multinasional (MNC). Di antara syarikat MNC terkenal yang paling banyak menawarkan pekerjaan kepada graduan 2008 adalah Intel (34 orang), Sony (10 orang), Altera Corporation (6 orang), Vads (6 orang), Silterra (4 orang), Agilent Technologies (4 orang), Renesas Semiconductor (4 orang), Spansion (3 orang) dan ON Semiconductor (3 orang). Lain-lain syarikat MNC gergasi lain yang turut terlibat seperti IBM, Ernst & Young, Western Digital, NEC dan Motorola.

Jelas terbukti, jurutera-jurutera muda dari UniMAP semakin ramai berjaya mengorak langkah dalam kerjaya sulung mereka menembusi pasaran industri yang bertaraf antarabangsa. Bermula dengan 'platform' itu, UniMAP berharap agar modal insan yang dilahirkan ini berterusan menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara. Dan pada suatu masa kelak 'aset berharga' ini akan kembali menyumbang kepada universiti asal mereka melalui rangkaian persatuan alumni yang aktif. Ini kerana kejayaan seorang alumni itu bukan lagi diukur dari segi gred atau PNGK mereka sebaliknya dinilai dari aspek penglibatan aktiviti dan sumbangan kepada pembangunan komuniti.

